

Pendidikan adaptasi norma baharu

Guru, pelajar mula biasakan diri ikuti kelas dalam talian

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Aspek pendidikan yang menjadi tunjang modal insan negara menyaksikan pola perubahan besar dengan anjakan pendekatan ketara di seluruh dunia, susulan desakan pandemik COVID-19.

Penyebaran ilmu secara bersemuka bagai terhenti apabila sekolah dan institusi pendidikan ditutup, malah ada peperiksaan utama dibatal atau ditangguhkan sebagai langkah menghentikan penularan jangkitan.

COVID-19 juga menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PnP) di negara ini turut berubah sepenuhnya, sekali gus memberi cabaran baharu sama ada kepada warga pendidik maupun murid.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu antara lain menyebabkan le-



bih 10,000 sekolah rendah dan menengah di bawah Kementerian Pendidikan ditutup, selain prasekolah, sekolah antarabangsa, pusat tafhib, kolej dan institusi pendidikan rendah lain.

Langkah ini memberi kesan kepada hampir lima juta murid di seluruh negara, terutama mereka yang bakal menghadapi peperiksaan utama.

Pada 15 April, Menteri Pendidikan, Dr Radzi Jidin, mengumumkan tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) ditunda kepada suku pertama tahun depan, diikuti peperiksaan Semester Dua Sijil Tinggi Persekolahan



Pelajar patuhi SOP ketat dengan mengamalkan penjarakan fizikal pada sesi pembelajaran di sekolah. (Foto hiasan)

(STPM) dipinda kepada Ogos, manakala peperiksaan Semester Tiga STPM dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dialih kepada suku pertama tahun depan.

Keputusan itu turut mempengaruhi tarikh kemasukan baharu ke institusi pengajian tinggi (IPT) bagi program asasi, matrikulasi dan diploma yang ditangguhkan sehingga Julai atau Ogos 2021, manakala program ijazah pada September atau Oktober 2021.

Buat kali pertama, Ujian Pen-

capaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dibatalkan tahun ini.

Penutupan sekolah membawa cabaran baharu kepada guru dan murid apabila sesi PnP diteruskan dalam talian dengan kaedah *Google Meet*, *Google Classroom* dan *Zoom* menjadi kelaziman baharu selepas sesi pembelajaran secara konvensional tidak dapat berlangsung.

Diakui, timbul beberapa isu berhubung kaedah sedemikian seperti capaian internet tidak memuaskan, murid tidak memiliki peranti diperlukan dan aspek ketidakhadiran serta tumpuan murid.

Kementerian Pendidikan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mengambil langkah proaktif menyiarkan slot *TV Pendidikan* di saluran TV Okey dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sepanjang tempoh PKP bagi membolehkan murid mendapat akses kepada bahan pembelajaran.

Apa yang membanggakan ialah inisiatif diambil guru bagi memastikan murid tidak terputus bekal ilmu, contohnya guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu yang menjadikan hentian bas sebagai 'kaunter pandu lalu' pengedaran bahan pembelajaran, selain mengunjungi rumah pelajar terpilih.

Beberapa guru Sekolah Kebangsaan (SK) Nanga Enchere-min, Kapit Sarawak, Muhammad Nabil Fikri Aini, yang berperahu menghantar kerja sekolah kepada murid di 12 rumah panjang sekitar daerah itu.

Sebetulnya, PKP membuka ribuan kisah pengorbanan guru yang komited memberikan ilmu terbaik tanpa alasan.

Sesi persekolahan bersemuka dibuka semula pada 24 Jun secara berperingkat selepas lebih tiga bulan, dengan murid Tingkatan Lima dan Enam yang mengambil peperiksaan awam, diikuti murid Tingkatan Satu hingga Empat dan kelas peralihan serta murid Tahun Lima dan Enam pada 15 Julai, manakala murid Tahun Satu hingga Empat pada 22 Julai.

Persekutuan pembelajaran selepas itu jauh berbeza apabila pelbagai prosedur operasi standard (SOP) dilaksanakan di sekolah, termasuk kehadiran ke sekolah mengikut hari ditetapkan manakala perhimpunan serta aktiviti membabitkan ramai peserta tidak dibenarkan.

Pemeriksaan suhu badan diwajibkan sebelum memasuki kawasan sekolah, manakala bilangan dalam kelas dihadkan dengan penjarakan fizikal satu meter.

Kantin juga tidak lagi riuh apabila makanan dan minuman perlu siap dibungkus, manakala murid dikehendaki makan di kelas di bawah pengawasan guru.

Gelombang ketiga wabak COVID-19 yang menyebabkan banyak negeri dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) membuatkan semua sekolah ditutup sekali lagi bermula 9 November sehingga hari terakhir persekolahan 18 Disember lalu.

Mengikut takwim Kementerian Pendidikan, sesi persekolahan secara bersemuka tahun depan bermula pada 20 Januari, membabitkan semua murid sekolah rendah dan sebahagian murid sekolah menengah, manakala sebahagian lagi secara pembelajaran di rumah.

Semua murid hanya kembali ke sekolah untuk sesi pembelajaran secara bersemuka pada 8 Mac berikutnya kelas digunakan untuk SPM. Tarikh SPM, SVM dan STAM ditetapkan pada 22 Februari 2021, manakala STPM pula dianjak kepada 8 Mac 2021.

Dengan atau tanpa pandemik COVID-19, tenaga pengajar di negara ini membuktikan tiada apa dapat menghalang mereka dari pada melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik, walaupun terpaksa berpanas berhujan atau meredah sungai asalkan anak bangsa terus terbelia.

Pengalaman sepanjang 2020 harus dijadikan iktibar untuk negara lebih bersedia mendampingi dan menggunakan pakai kecanggihan teknologi sebagai persediaan berdepan apa juga kemungkinan, sebagaimana COVID-19 kekal menjadi ancaman.